

**KONSEP DAN PERANAN AL-SULH : TINJAUAN  
MENGENAINYA DI DALAM ENAKMEN KANUN  
PROSEDUR MAL SYARIAH NEGERI SELANGOR**

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

Management Services Division

Date Received 16/11/98 nmt

**OLEH :  
ABDUL SHUKOR BIN ABD HAMID**

**KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN ILMIAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM BAGI SESSI  
1996/1997**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

## PENGHARGAAN

الحمد لله الذي هدانا لهذا وكنا لنهتدي لولا أن هدانا الله  
والصلاة والسلام على سيدنا محمد خاتم المرسلين  
وعلى آله وصحبه واهتدي بهدية الى يوم الدين

Al-Hamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahuwata'ala atas keizinanNya, akhirnya dapat penulis menyiapkan kertas projek ini. Segala kemudahan dan kesihatan yang dikurniakan semasa membuat kertas projek ini adalah rahmat yang tidak terhingga ke atas diri penulis. Adalah diharapkan nanti agar kertas projek ini akan memberi kemanfaatan selain daripada memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Syarie sesi 1996/1997.

Selain itu penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga terutamanya kepada ibu yang dikasihi, yang telah banyak menghulurkan bantuan kepada penulis. Penulis tidak akan lupakan jasa yang tiada tolok bandingannya itu selagi hayat dikandung badan. Insya-Allah. Begitu juga 'isteri tersayang' yang telah banyak memberikan galakan dan dorongan semasa penulisan ini dibuat.

Begitu juga tidak dilupakan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tan Sri Wan Hamzah selaku penyelia kertas projek ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis adalah suatu yang amat berharga buat penulis. Selain itu juga tidak dilupakan penghargaan kepada semua tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus ini dan secara amnya kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan tulisan ini. Tidak dilupakan kepada sahabat karib "Jali" sebanyak terima kasih kerana sudi memberi kemudahan komputer, begitu juga rakan-rakan yang lain di Hostel G yang banyak membantu penulis sewaktu membuat kertas projek ini. Semoga segala apa yang disumbangkan selama ini akan dirahmati Allah Subhanahuwata'ala. Insya-Allah.

Sekian Wassalam.

Abdul Shukor Abd Hamid

G9510204

DAIJ 96/97

## ABSTRAK

**Konsep dan Peranan Al-Sulh : Tinjauan Mengennainya di dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Negeri Selangor**, adalah tajuk kajian kertas projek yang penulis ingin perbincangkan dan membuat penelitian kepadanya. Ianya adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam sesi 1996/1997.

Kajian di dalam Bab Pertama kertas projek ini hanya berkisarkan perbincangan berkenaan dengan latar belakang, konsep serta lain-lain perkara yang bersangkutan dengan Al-Sulh mengikut perundangan Islam. Di dalam bab yang awal ini penekanan akan dibuat terhadap Al-Sulh mengikut apa yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh Islam yang ada membincangkan isu berkenaan serta pandangan dan pendapat ulama' dan Mazhab mengenainya. Sebelum mengakhiri bab ini penulis juga telah membuat kesimpulan mengenai bab tersebut.

Bab kedua adalah berkenaan dengan Institusi Tahkim, ianya meliputi apa-apa perkara yang berkenaan dengan Tahkim. Isu mengenai Institusi Tahkim diselitkan oleh penulis dalam perbincangan ini adalah disebabkan ianya mempunyai kaitan rapat dengan Sulh. Perbincangan mengenainya juga turut menyentuh pandangan dan pendapat Ulama' dan Mazhab. Di penghujung bab ini, penulis akan sertakan sekali kesimpulan mengenai perkara tersebut.


Bab Ketiga pula adalah berkaitan dengan Al-Sulh mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah bagi negeri Selangor. Peruntukan yang menyentuh perkara berkenaan adalah bermula dari seksyen 87 sehingga seksyen 93. Segala tumpuan akan hanya diberikan terhadap huraian berkenaan dengan seksyen-seksyen yang berkaitan sahaja. Di samping itu juga di dalam bab yang ketiga ini penulis ada menyelitkan beberapa buah kes yang mempunyai hubung kait dengan pemakaian penyelesaian Al-Sulh ini. Dan seperti mana bab yang awal, bab ketiga ini juga ada diakhiri dengan sedikit kesimpulan dari penulis sendiri.

Manakala perbincangan di dalam Bab Keempat pula adalah tertumpu kepada perbandingan antara perkara yang terkandung di dalam Bab Pertama dan Bab Kedua dengan apa yang terdapat di dalam Bab Ketiga. Perbandingan akan dibuat dari semua segi, ianya juga bergantung kepada keupayaan penulis untuk membuat penilaian antara kedua-duanya. Dan di akhir bab ini penulis akan membuat sedikit ulasan dan pandangan terhadap apa yang dapat disimpulkan dari keseluruhan perbincangan yang telah dibuat oleh penulis mengenai tajuk ini.

## Pengakuan

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Abdul Shukor bin Abd Hamid  
( G 9510204 )



Tandatangan : .....

Haribulan : 17/9/99 .....

## KANDUNGAN

	Mukasurat
Abstrak	i
Kandungan	iii
Senarai Statut	vi
Senarai Kes	vii
Senarai Singkatan	viii
Transliterasi	ix
Methodologi Kajian	x

### **BAB PERTAMA**

#### **Konsep Al-Sulh Di Dalam Islam**

-Pendahuluan	1
-Definasi Al-Sulh	3
-Dalil Pensyariaan Al-Sulh	5
-Jenis-jenis Sulh Yang Diharuskan	12
-Jenis-jenis Sulh Yang Dilarang	19
-Bentuk Al-Sulh	21
-Rukun Al-Sulh	26
-Syarat-Syarat Al-Sulh	27
-Perkara-perkara Yang Membatalkan Kontrak Al-Sulh	34
-Kesimpulan	36

## **BAB KEDUA**

### **Institusi dan Kaitannya Dengan Al-Sulh**

-Pendahuluan	39
-Sejarah Ringkas	39
-Definisi Hakam Dan Perbezaannya Dengan Hakim	41
-Definisi Tahkim	42
-Dalil Pensyariatan Tahkim	44
-Fungsi Hakam	47
-Bidangkuasa Tahkim	48
-Syarat Hakam	52
-Perlantikan Hakam	55
-Keputusan Hakam	56
-Tempoh Tindakan Hakam	58
-Pemecatan Hakam	62
-Kaitan Sulh Dan Tahkim	64
-Kesimpulan	65

## **BAB KETIGA**

### **Al-Sulh : Tinjauan Di Dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Negeri Selangor**

-Pendahuluan	66
-Al-Sulh dalam Enakmen	67

-Kaedah Penyelesaian Al-Sulh	68
- Penarik balikan Sesuatu Tuntutan Dalam Enakmen	70
-Kos Perbelanjaan Prosiding	71
-Kesan Penarik balikan Terhadap Prosiding Berikutnya	71
-Bidangkuasa Mahkamah Bagi Menggantung Prosiding	73
-Penarik balikan Sesuatu Pembelaan Oleh Defendan	73
-Kes-kes Yang Mempunyai Kaitan Dengan Penyelesaian Al-Sulh	75
-Kesimpulan	81

## **BAB KEEMPAT**

### **Kajian Perbandingan**

-Pendahuluan	82
-Beberapa Aspek Perbandingan Mengenai Al-Sulh Dalam Syarak Dan Enakmen	83
-Al-Sulh Dalam Mengenai Masalah Rumahtangga	96
-Contoh Kes Mal Yang Berkaitan Al-Sulh	100
-Kesimpulan	106

## **PENUTUP**

## **BIBLIOGRAFI**

## SENARAI STATUT

Enakmen Kanun Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 1991

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu 1986

## SENARAI KES

Abdul Razak bin Othman lwn Siti Jamaah binti Satiman [1990] JH 84

Hayati binti Othman lwn Ayob bin Zainal [1991] JH 166

Zaleha binti Zakaria lwn Sahabudin bin Ali [1995] JH 79

Wan Tam lwn Ismail [1990] JH 38

Hajjah Saudah bt Che Mamat lwn Hanafi bin Hj. Daud dan lain-lain orang [1991] JH 66

## SENARAI SINGKATAN

Bil	:	Bilangan
Cet	:	Cetakan
JH	:	Jurnal Hukum
Juz	:	Juzuk
Jld	:	Jilid
lwn	:	Lawan
m.s	:	Muka Surat
S.A W	:	Sallallahu 'alaihi wa sallam
S.W.T	:	Subhanahu Wa Ta'ala
t.t	:	Tanpa Tarikh
Vol	:	Volume

## TRANSLITERASI

a    ا	r    ر	f    ف
b    ب	z    ز	q    ق
t    ت	s    س	k    ك
th    ث	sh    ش	l    ل
j    ج	ṣ    ص	m    م
ḥ    ح	ḍ    ض	n    ن
kh    خ	ṭ    ط	w    و
d    د	ẓ    ظ	h    ه
dh    ذ	gh    غ	y    ي

### Vowel Panjang

ا	-	á
و	-	á
ي	-	á

### Vowel Pendek

َ	-	a
ِ	-	i
ُ	-	u

### Diphthongs

و  
ي

### Ulangan ( Doubled)

وَّ    ُ    uwwa  
يَّ    ِ    iyya

Huruf ة ditransliterasikan sebagai *superscript* koma dan tidak ditulis bila diawal perkataan.

Huruf ع ditransliterasikan sebagai *superscript inverted* koma.

ة ditransliterasikan sebagai *ah* bila berhenti dan *at* bila berterusan sesuatu ayat.

ال (al) ditransliterasikan sebagai 'l bila berterusan sesuatu ayat.

## **METHODOLOGI PENYELIDIKAN**

Memang tidak dinafikan bahawa kaedah penyelidikan yang teratur dan tersusun adalah penting dalam membuat sesebuah penyelidikan. Apa yang dimaksudkan dengan methodologi penyelidikan ialah bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Di sini penulis akan berpandukan kepada objektif penyelidikan penulis dalam proses pengumpulan segala data-data yang berkaitan. Oleh itu data-data yang hendak dikumpulkan perlulah tidak lari daripada objektif yang digariskan.

### **CARA PENGUMPULAN DATA**

Memandangkan bentuk penyelidikan yang dilakukan adalah dari jenis Penyelidikan Dalaman, jadi cara pengumpulan data adalah melalui kaedah Dokumentasi iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan cetak dan lain-lainnya. Sumber -sumber data yang penulis dapati adalah hasil daripada rujukan yang dibuat di Perpustakaan berikut;

- a. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak dan Petaling Jaya
- b. Perpustakaan Awam Pusat Islam
- c. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

## **METHOD KOMPARATIF**

Tujuan penulis menggunakan method ini ialah kerana objektif kajian antaranya ialah untuk melihat jika terdapat perbezaan antara Al-Sulh dari sudut fiqh dengan apa yang terdapat dalam enakmen yang berkaitan. Melalui kaedah ini penulis akan membuat perbandingan antara data-data yang diperolehi untuk melihat adakah wujud sebarang perbezaan atau percanggahan antara data-data tersebut. Dengan demikian memudahkan penulis untuk mencari sebab-sebab terjadi demikian itu.

## **RASIONAL MENGENAI TAJUK**

Melihat kepada apa yang berlaku pada hari ini, di mana terdapat banyak kes sivil yang dikendalikan oleh Mahkamah Syariah. Ini termasuklah kes-kes yang ringan dan berat tahapnya. Dengan bertambahnya bilangan kes-kes di Mahkamah ini, ianya secara langsung telah menyebabkan banyak kes-kes yang terpaksa ditangguhkan perbicaraannya.

Oleh yang demikian adalah lebih baik sekiranya sesuatu pertelingkahan yang ringan bentuknya itu dapat diselesaikan di peringkat pra-bicara lagi dengan tanpa ada pembabitan yang serius dari pihak mahkamah.

Ini secara tidak langsung akan membantu pihak mahkamah untuk memberikan tumpuan kepada perkara-perkara yang lebih berat tahapnya. Dengan kata lain ini akan menjimatkan masa mahkamah.

Untuk itu di dalam perbincangan di bawah tajuk ini, penulis akan cuba memberikan penjelasan mengenai penyelesaian secara Al-Sulh di peringkat pra bicara ini seperti mana yang dianjurkan oleh Islam. Di samping itu juga sedikit perbandingan akan dibuat dengan apa yang terdapat di dalam enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Negeri Selangor. Bukan tujuan mencari kelemahan tetapi sekadar melihat sekiranya ada apa-apa kekurangan yang boleh diperbaiki. Di samping itu juga pandangan dari penulis akan diberikan sekadar yang termampu terhadap masalah tersebut.

## **TUJUAN KAJIAN**

Objektif kajian dapatlah dirumuskan seperti berikut :

1. Bagi tujuan menyingkap apakah dia konsep dan peranan Al-Sulh seperti mana yang terdapat dalam kaedah fiqh Islam.
2. Cuba membuat perbandingan dengan apa yang terdapat di dalam enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Negeri Selangor

3. Dan akhir sekali penulis akan cuba mengemukakan beberapa pandangan dan saranan bagi mengatasi kekurangan yang terdapat, dengan keterbatasan pengetahuan yang ada pada penulis. Di samping itu juga bagi menonjolkan lagi kehebatan perundangan Islam yang boleh memberikan dan menyelesaikan sebarang bentuk masalah tanpa mengira apa jua keadaan dan bentuknya.

## **MASALAH KAJIAN**

Sepanjang usaha penulis untuk menyiapkan kajian ini memang tidak dinafikan terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh penulis. Antaranya masalah yang utama adalah mengenai untuk menterjemahkan dan memahami beberapa buah buku yang ditulis dalam bahasa Arab. Demikian itu penulis mengakui mungkin ada terjemahan yang penulis buat kurang tepat dan susunan bahasanya tidak memuaskan.

## **PENUTUP**

Penulis merasakan kajian yang dibuat oleh penulis ini masih banyak kekurangan dan kelemahannya. Ini adalah kerana ianya merupakan kajian ilmiah masih baru buat penulis. Apa yang diharapkan agar segala kesilapan yang terdapat dalam kajian ini akan dapat diperbaiki oleh penulis melalui tunjuk ajar serta bimbingan dari semua pihak.

# **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### Konsep Al-Sulh Di dalam Islam

#### Pendahuluan

Agama Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T melalui Rasulnya, adalah merupakan sebuah agama yang lengkap lagi syumul bagi menghadapi segala permasalahan manusia di dunia ini. Sistemnya yang bersifat sepadu dan semulajadi sesuai dilaksanakan di semua keadaan, masa dan tempat. Segala hukum dan peraturannya tidak bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia. Ini semata-mata bagi menjamin kehidupan yang aman dan harmoni, bebas dari segala persengketaan dan pertelingkahan yang boleh memporak-perandakan kehidupan ummah.

Dalam menjalankan kehidupan seharian, manusia seringkali tidak dapat lari daripada berhadapan dengan kesulitan, perselisihan dan pertikaian, samada besar ataupun kecil. Untuk itu, Islam tidak membiarkan umatnya tercari-cari penyelesaian pada perkara tersebut tanpa memberikan satu garis panduan yang selari dengan roh Islamiyyah.

Dalam menyelesaikan suatu pertikaian, Islam menganjurkan satu kaedah berdasarkan prinsip yang dikenali sebagai " Al-Sulh" atau perdamaian. Terdapat banyak ayat-ayat di dalam Al-Quran yang menyentuh perkara ini. Firman Allah S.W.T yang berbunyi :

لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ  
أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ  
ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

Bermaksud:

*"Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat ma'ruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka kelak kami memberi kepadanya pahala yang besar".<sup>1</sup>*

Begitu juga dengan Hadith S.A.W yang banyak memperkatakan mengenai perkara tersebut, antaranya seperti berikut;

*"Abdullah bin Kaab meriwayatkan bahawa Kaab bin Malik memberitahunya bahawa beliau telah mendesak Ibnu Abu Hadrud menjelaskan hutang kepadanya. Mereka bertengkar di Masjid sehingga suara mereka menjadi kuat dan didengar oleh Rasulullah S.A.W dan baginda memanggil Kaab, Ya Ka'ab! Dan dengan isyarat tangan menyuruhnya menerima separuh wang yang dihutang oleh Ibnu Abu Hadrud. Beliau menerima cadangan itu. Rasulullah S.A.W kemudian menyuruh Ibnu Abu Hadrud membayar sebanyak itu sahaja."<sup>2</sup>*

Berdasarkan kedua-dua dalil di atas, ia menunjukkan bahawa perbuatan mendamaikan dan berusaha memperbaiki perhubungan yang rosak antara sesama manusia serta mendekatkan mereka jika berjauhan antara satu sama lain, secara ikhlas, adalah satu perbuatan yang terpuji dan akan mendapat keberkatan serta ganjaran pahala yang besar di sisi Allah S.W.T.

<sup>1</sup> Al-Qur'an, An-Nisa' 114

<sup>2</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, J 3

Jelasnya, prinsip perdamaian tersebut amat berperanan di dalam menyelesaikan permasalahan di kalangan manusia. Ia tidak tertumpu hanya semata-mata kepada mereka yang berperang malahan juga kepada mana-mana pertelingkahan yang melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan manusia.

Apa yang jelas Al-Sulh adalah merupakan formula efektif untuk dipakai oleh manusia, sebagai satu cara dan kaedah dalam mengatasi masalah pertikaian yang dihadapi oleh ummah agar menjadi manusia yang bertamadun. Dan yang penting adalah bagaimana kaedah tersebut dapat diaplikasikan oleh penganutnya sebagai petunjuk yang berkesan bilamana mengharungi kehidupan yang sentiasa berubah-ubah. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam agar prinsip-prinsip anjurannya dapat diterima baik dalam masyarakat dunia hari ini.

### Definasi Al-Sulh

Al-Sulh dari segi *bahasanya* ialah memutuskan sesuatu pertikaian ( الخصومة ). Manakala dari segi *istilah syaraknya* pula bermaksud satu 'aqad bagi mencegah pertikaian ( الخصوم ) antara dua pihak yang bertikai<sup>3</sup>.

Ia juga boleh diertikan sebagai suatu 'aqad yang dilakukan bagi menghilangkan pertikaian. Atau juga bermaksud suatu 'aqad yang membawa maksud tujuan untuk mencapai Islah ( إصلاح ) iaitu perdamaian di antara dua belah pihak yang berselisihan<sup>4</sup>.

<sup>3</sup> As-Sayyid Sabiq, Fiqh As-Sunnah, Darul Kitab Al-'Arabi, 1977, J 3, m.s. 303

<sup>4</sup> Az-Zuhaili, Dr Wahbah, Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Damsyik Darul al-Fikr, 1984, Juz 5, m.s 293

Al-Sulh boleh juga ditakrifkan sebagai 'aqad yang dilakukan bagi mengangkat (menghilangkan) pertikaian dan memutuskan perbalahan diantara dua belah pihak yang membuat sulh dengan keredhaan kedua-duanya<sup>5</sup>.

Sementara di dalam Ensiklopedia pula, ianya telah diertikan sebagai perdamaian (composition), penyelesaian (settlement)<sup>6</sup> sepertimana yang disarankan oleh Al-Quran di dalam Ayat 128 Surah An-Nisa'. Firman Allah S.W.T ;

وَإِنْ أَمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ  
عَلَيْهِمَا أَنْ يَصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ  
الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ  
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Bermaksud:

*" Dan jika seorang wanita khuatir akan nusyuz atau bersikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka ) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir "*

Jika dirujuk dalam fasal 1531, Al-Ahkam Al-Adliyyah pula memberikan takrif sulh sebagai:

*"Sulh ialah satu kontrak bagi menyelesaikan pertikaian dengan cara persetujuan. Ia berlaku dengan ijab dan qabul."*<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Al-Mausu'ah Al-Fiqhiah, Cet 1. Juz 10. Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 1989 m.s 144

<sup>6</sup> Houtsma, M. TH and others E.J Brill's First Encyclopaedia of Islam, J VIII. E.J Brill New York, 1987, m.s 541

<sup>7</sup> Mohd Akhir Haji Yaacob, Undang-Undang Sivil Islam, Terjemahan, Al-Ahkam Al-Adliyyah, Kuala Lumpur, DBP, 1990, m.s 503

Di samping itu, terdapat beberapa istilah fiqh yang berkaitan dengan 'Al-Sulh' di antaranya ialah,

Di dalam fasal 1532, Al Ahkam Al Adliyyah menyebut :

"*Musalih* ialah orang yang membuat kontrak sulh (kompromi)"<sup>8</sup>

Di dalam fasal 1533 pula menyebut :

"*Musalih 'alaih* ialah ganti (harga) sulh"<sup>9</sup>

Manakala di dalam fasal 1534 pula menyatakan bahawa :

"*Musalih 'anhu* ialah barang yang dituntut oleh orang yang mendakwa (mudda'abih)"<sup>10</sup>

### Dalil Pensyariatan Al-Sulh

Terdapat banyak dalil-dalil yang membuktikan pensyariatan pelaksanaan Al-Sulh. Ia adalah merupakan satu perkara yang telah diperundangkan di dalam Al-Quran, Al-Sunnah dan Ijma' malah ianya amat dituntut di dalam Islam untuk menyelesaikan masalah antara pihak yang bertelagah agar perdamaian dapat dicapai..

---

<sup>8</sup> Ibid

<sup>9</sup> Ibid

<sup>10</sup> Ibid

## Al-Quran

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama dan asas bagi perundangan, di dalamnya terkandung segala perintah dan arahan daripada Allah S.W.T yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia samada yang menyentuh tentang ekonomi, politik dan sosial. Di dalam menjalani kehidupan seharian, manusia tidak dapat lari daripada pelbagai masalah yang kadangkala boleh mencetuskan pertikaian. Justeru itu, Al -Quran banyak membawa dalil-dalil yang mengharuskan sulh untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Antaranya, firman Allah S.W.T yang berbunyi;

وَلِإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَت إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Bermaksud:

*"Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah, jika golongan itu telah kembali (kepada) perintah Allah, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil" <sup>11</sup>*

Seterusnya Allah S.W.T menyambung dengan firman-Nya yang berbunyi:

---

<sup>11</sup> Al-Quran, Al-Hujuraat : 9